



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

27 Ogos 2021
18 Muharram 1443H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• 85 Peratus Terumbu Karang Terancam
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			24	27/08/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

85 peratus terumbu karang terancam

KOTA KINABALU: Aktiviti pengeboman ikan secara berterusan boleh mengancam 85 peratus terumbu karang di kawasan pesisir pantai.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pasukan Program Marin Tabung Alam Sedunia (WWF-Malaysia) di Semporna, Herminatalia Tabar berkata, mereka mula memasang alat pengesan bom ikan di perairan Semporna sejak Jun 2018.

Namun, pada tahun lalu, insiden pengeboman ikan dilihat semakin berkurangan susulan kehadiran pihak berkuasa melakukan rondaan di perairan Semporna.

"Ketika ini, WWF-Malaysia bekerjasama kepada Jabatan Perikanan Negeri, Pasukan Polis Marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menangani aktiviti bom ikan yang berlarutan di Sabah sejak sekian lama.

"Apabila letupan bom berlaku, terumbu karang akan musnah dan keseimbangan ekologi marin akan terganggu. Situasi ini bukan hanya memusnahkan terumbu karang di perairan Sabah, tapi turut menjejaskan industri pelancongan," katanya.

Beliau berkata, aktiviti pengeboman ikan di Semporna turut menunjukkan penurunan kira-kira 73 peratus pada 2019. WWF-Malaysia percaya alat pengesan bom ikan yang dipasang memudahkan proses pengumpulan data bagi membantu pasukan keselamatan membuat pemantauan.

Sementara itu, Pengasas Bersama Blue Fin Surf & Dive Kudat, **Camuel Tsen** berkata, mereka

pernah mendengar bunyi letupan bom ikan dua kali seminggu semasa melakukan aktiviti selaman berhampiran rumah api di Simpang Mengayau, Kudat.

"Situasi ini menyebabkan penyelam cemas dan memberi tanggapan yang kurang baik kepada penyelam baharu dan berkemungkinan mereka tidak lagi mahu menyelam di sini," katanya.

Camuel berkata, aktiviti pengeboman ikan bukan hanya merosakkan ekosistem marin di perairan Sabah tetapi, ia akan menjejaskan industri pelancongan berasaskan selam skuba.

Sementara itu, Pengurus Program Reef Check Malaysia, Muhammad Adzmin Fatma berkata, insiden pengeboman ikan di perairan Pulau Mantanani, Kota Belud mula menunjukkan penurunan bagi tempoh 2014 hingga 2019.

Trend penurunan ini berikutan usaha berterusan Reef Check Malaysia bagi membantu penduduk setempat untuk menceburi aktiviti ekonomi lain. Melalui Program Cintai Mantanani, program pemerksaan dan latihan diberikan kepada penduduk setempat agar mereka tidak lagi bergantung kepada aktiviti perikanan.

Menurut beliau, sekarang sudah ramai penduduk tempatan mula beralih kepada sektor pelancongan dengan mengusahakan inap desa (*homestay*) bagi menyediakan penginapan untuk pelancong.

Sejak kebelakangan ini, orang kampung memberitahu kebanyakan pengebom ikan datang dari tanah besar seperti Kota Belud dan Pulau Gaya.



TERUMBU karang diperairan Sabah terancam disebalik aktiviti bom ikan